

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CAS - Pusat Pengajian Pengkomputeran
Sent: Wednesday, May 16, 2018 2:41 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: BUSSINESS PLAN PITCHING COMPETITION (UUMBPC 2018) MENGASAH BAKAT & KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN PARA MAHASISWA



**Pusat Pengajian
Pengkomputeran
School Of Computing
Universiti Utara Malaysia**

“MUFAKAT KEDAH”

16 Mei 2018/ 30 Syabaan 1439H

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

BUSSINESS PLAN PITCHING COMPETITION (UUMBPC 2018) MENGASAH BAKAT & KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN PARA MAHASISWA

15 Mei 2018 - Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) bersama Pejabat Dekan PPA, CAS telah menganjurkan pertandingan pelan perniagaan dan *pitching* (UUMBPC 2018) peringkat Universiti Utara Malaysia (UUM) bertempat di Dewan Auditorium, UUM CAS. Program keusahawanan teknologi kali ini dijayakan dengan kerjasama Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI mendapat sambutan yang menggalakkan.



Sebanyak tiga belas(13) kumpulan projek pelan perniagaan berasaskan penggunaan aplikasi teknologi maklumat, multimedia dan komunikasi mempersembahkan idea masing-masing. Setiap projek dinilai dari segi idea yang kreatif, unik, asli dan kebolehpasaran produk oleh tiga (3) panel juri yang berpengalaman luas dalam bidang teknikal, keusahawanan dan pentadbiran. Senarai pemenang adalah seperti berikut;

Tajuk Projek	Ahli Kumpulan	Kategori	Hadiah
Footprint Mobile Application	Lee Chia Shing, Tan Qiao Er, Oh Hui Wei dan Chow Hui Wei	Pelan Perniagaan	RM 200 (utama)
Print4u.com	Fathoriyyah Anwar, Umi Fadzila Mohd Zailani, Nurul Atiqah Mohd Zailani, Sarimah Osman dan Siti Afiqah An hadi.	Pelan Perniagaan	RM 150 (kedua)
Treatley, Vegan fast Food Automated Restaurant	Chew Wee Yen, Induja a/p Sathirmuthi, Lee Jia Ning dan Chong Li Yen	Pelan Perniagaan	RM 100 (ketiga)

Selain dari itu, projek pelan perniagaan yang dipersembahkan adalah Intelligent Wardrobe Assistance, FarmMyApp: Mobile Application for Agriculture Filed, UUM Food Runner Mobile Application, K-Trackers & Co, UUM N.E.W.S.E.E.D Mobile Apps, Mobile Application for Small Medium Enterprise, Mobile Application for Event Plan Management, Eco World Café, Magique Frame dan Queensworth Car Rental. Setiap kumpulan diberi masa lima belas (15) minit bagi mempersembahkan pelan perniagaan masing masing serta video picthing yang sangat menarik.

Penyelaras program, En. Abdul Razak bin Rahmat - berkata mahasiswa dapat menyampaikan rancangan perniagaan dalam bidang IT serta dapat mengasah kemahiran keusahawanan melalui pertandingan ini kepada juri-juri dan semua pengunjung yang hadir. "Mahasiswa boleh menunjukkan kreativiti dan kemahiran untuk berkomunikasi selain menyampaikan perancangan perniagaan dalam bentuk video yang menarik yang dihasilkan," katanya. Sementara itu, Pengarah program, Chew Wee Yen mengulas bahawa "program ini dapat mendedahkan pelajar-pelajar tahun akhir khususnya pelajar Multimedia dan IT dalam bidang keusahawanan tekno dan dapat meneruskannya ke peringkat komersil apabila tamat pengajian dari UUM nanti" katanya.

Hadiah kemenangan berjumlah RM 450 disumbangkan oleh PPA CAS dan CEDI UUM. Majlis penutup disempurnakan oleh Dr Mohamad Farhan bin Mohamad Mohsin, Timbalan Dekan PPA CAS. Majlis berakhir pada jam 2.00 pm selepas sesi bergambar diadakan.

Sekian, terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN

School of Computing | College of Arts And Sciences
Universiti Utara Malaysia | 06010 Sintok | Kedah Darul Aman

Tel: +604-928 5058 / +604-928 5055 / +604-928 5001 | Faks: +604-928 5067

website: soc.uum.edu.my





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.